

10 SEP 1998

Mahathir-Bank

BANK-BANK PUNYAI CUKUP WANG UTK BERI PINJAMAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Institusi perbankan mempunyai dana mencukupi untuk membiayai kegiatan ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Beliau berkata institusi-institusi berkenaan mestilah mencapai sasaran 8.0 peratus pemberian pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara bagi tahun ini.

"Bank-bank perlu mencapai sasaran 8 peratus (bagi membiayai pemulihan ekonomi), jika mereka tidak melakukannya bermakna mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagai sebuah bank," katanya kepada sidang akhbar.

Bank Negara menetapkan pertumbuhan pinjaman pada 15 peratus pada permulaan tahun "tetapi bank-bank memberikan reaksi yang negatif dan tidak memberikan banyak pinjaman sehingga menyebabkan pertumbuhan kredit hanya pada 3.0 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana bank-bank tersebut berdepan dengan waktu yang sukar untuk mencapai sasaran 15 peratus itu, kerajaan telah mengurangkannya kepada 8.0 peratus.

Sebagai sebahagian daripada dasar pengembangan kewangannya, Bank Negara semalam mengumumkan bahawa bank-bank sepatutnya memberi lebih banyak pinjaman dan mencapai pertumbuhan pinjaman sebanyak 8.0 peratus menjelang akhir 1998 dalam usaha untuk membiayai pemulihan ekonomi.

Bagi bank-bank yang gagal memenuhi sasaran mestilah menjelaskannya kepada Bank Negara manakala bank lain yang mempunyai sasaran tinggi mestilah meneruskan langkah itu.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan mengukuhkan dengan harga-harga mencerminkan nilai sebenar syarikat meskipun kemudahruapan pada awal minggu ini.

Berikutan penguatkuasaan langkah-langkah pengawalan pertukaran minggu lalu, Indeks Komposit yang meningkat lebih daripada 95 mata pada Isnin jatuh sebanyak 22 peratus pada Selasa kerana kegiatan jualan.

Beliau menjelaskan harga turun pada Selasa kerana terdapat beberapa kesilapan kecil dalam penggunaan dasar kerajaan berkaitan ketelusan dagangan dalam pasaran saham.

Ia dibenarkan bagi beberapa dagangan di Singapura (menerusi Central Limit Order Book atau Clob) dan akibatnya, harga saham menurun.

Sumber pasaran saham berkata terdapat jualan besar-besaran saham oleh pelabur-pelabur asing yang menggunakan akaun penama.

"Kami telahpun menghentikan perkara itu," kata Dr Mahathir.

"Oleh itu, anda boleh melihat semalam harga naik semula, dan walaupun ia turun pagi ini, ia adalah satu perkara normal," katanya.

Pada sesi tengah hari, Indeks Komposit yang mengukur 100 saham berkualiti jatuh 13.28 mata kepada 376.37 berikutan pengambilan untung.

BSKL dalam kenyataannya menyatakan, bermula semalam semua pemindahan urusniaga mestilah bagi alasan-alasan yang dibenarkan dan disertai dengan dokumen sokongan berkaitan, satu langkah bertujuan untuk mengukuhkan lagi ketelusan dalam pasaran saham.

Mengenai dagangan kontra, beliau berkata oleh kerana ia adalah satu daripada masalah (yang menyebabkan kemudahruapan), "kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengenakan cukai keuntungan modal terhadap dagangan kontra."

Dagangan kontra merujuk kepada belian saham yang tidak dimiliki oleh mereka dan menjual saham itu kemudiannya dengan jangkaan untuk membuat

keuntungan di mana pelabur hanya perlu membayar perbezaan harga.

-- BERNAMA

AA ZK MA KHY